



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	14/7/2021 (RABU)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JPNP			

Tanam 2k spesies pokok hutan

Raub: Lebih 2,000 pelbagai spesies pokok hutan sudah ditanam semula di kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) Batu Talam, di sini, yang sebelum ini dijadikan kebun durian musang king secara haram.

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang (JPNP) memaklumkan kawasan seluas lebih 101 hektar itu akan ditanam kira-kira 20,000 pokok hutan selepas kerja menebang 15,000 pokok durian Musang King selesai minggu lalu.

Penolong Pengarah Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, Wan Ghazali Wan Ali berkata, pihaknya berjaya menanam kira-kira 2,000 pokok hutan memabitkan spesies Merawan, Meranti, Balau, Keruing dan beberapa spesies lain dalam tempoh tiga hari.

Menurutnya, dalam tempoh seminggu, dijangka se-



HM, 14 Jul
2021_22

Kita menggunakan anak pokok yang terdapat di tapak semaian Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat, Rotan Tunggal, selebihnya akan diambil di beberapa Pejabat Hutan Daerah (PHD) lain"

Wan Ghazali Wan Ali

banyak 10,000 pokok hutan dapat ditanam semula.

"Keadaan tanah yang berbaja dan lembut di kawasan itu melancarkan kerja menanam walaupun terpaksa memindahkan pokok ke kawasan berbukit.

"Kita menggunakan anak pokok yang terdapat di tapak semaian Pejabat Pem-

angunan Hutan Pahang Barat, Rotan Tunggal, selebihnya akan diambil di beberapa Pejabat Hutan Daerah (PHD) lain," katanya.

Katanya, pemindahan anak pokok dari pusat pengumpulan dalam HSK Batu Talam ke kawasan menanam dibuat secara berperingkat kerana bentuk muka bumi yang berbukit.

"Kita akan berusaha secepat mungkin untuk menyelesaikan kerja menanam pokok hutan di kawasan terbabit. Kita tidak boleh melengahkan kerja bagi mengelak kejadian hakisan dan pencemaran sumber air.

"HSK Batu Talam adalah kawasan tadahan air yang diwartakan pada 2002 dan sekiranya pencemaran berlaku akan menjejaskan sumber air penduduk daerah ini," katanya.

